



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### SENTIASA WASPADA DAN BERSIAP SIAGA TERHADAP ANCAMAN SERTA SERANGAN SIBER

Teknologi digital kini telah menjadi sebahagian besar daripada kehidupan kita. Semasa menghadapi cabaran mendepani pandemik COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa ini, penggunaan internet juga telah meningkat secara ketara di seluruh negara. Justeru, kita juga terdedah kepada pelbagai ancaman dan serangan siber.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2021, jumlah insiden keselamatan siber yang dilaporkan ke Pusat Bantuan Cyber999 kendalian CyberSecurity Malaysia adalah sebanyak 4,615 dengan tiga insiden tertinggi iaitu Penipuan (3,229), Pencerobohan (765) dan Kod Berbahaya (256).

Dalam hal ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bersama CyberSecurity Malaysia sentiasa memantau persekitaran ruang siber negara dengan menyediakan perkhidmatan, bantuan serta sokongan teknikal untuk memantapkan lagi sistem rangkaian dan pertahanan siber kepada semua pihak sama ada sektor awam dan swasta serta pengguna internet individu.

Peringatan & Nasihat (*Alert & Advisory*) juga dikeluarkan dari semasa ke semasa sebagai peringatan bagi membolehkan pentadbir sistem di organisasi awam dan swasta serta pengguna internet mendapatkan maklumat mengenai amalan terbaik bagi menangani dan membanteras sesuatu ancaman dan serangan siber. Maklumat tersebut boleh didapati melalui portal MyCERT atau Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia, CyberSecurity Malaysia di pautan <https://www.mycert.org.my/>.

Saya ingin menggesa pengguna internet agar sentiasa peka, cakna serta melengkapkan diri dengan tatacara penggunaan teknologi dan internet dengan menggunakan secara berhemah, positif, beretika dan penuh tanggungjawab.

Untuk sebarang pelaporan insiden keselamatan siber, orang ramai boleh menghubungi Pusat Bantuan Cyber999 kendalian CyberSecurity Malaysia melalui saluran berikut:

- E-mel : cyber999@cybersecurity.my
- Telefon : 1-300-88-2999  
(Isnin – Jumaat, 9:00 pagi - 3:00 petang)
- Telefon bimbit : +60 19 2665850  
(Panggilan laporan insiden kritikal sahaja)
- Aplikasi Cyber999 : Muat turun aplikasi di Appstore & Google Play

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**2 JUN 2021**